

LAMPIRAN

POTONGAN DARI AKHBAR *UTUSAN MALAYSIA* BERTARikh ... 25 JAN 2000

Lebih banyak rancangan berciri maklumat disiar di RTM

KUALA LUMPUR 27 Jan. — Kementerian Penerangan akan terus menyiaran lebih banyak rancangan berciri maklumat, patriotik dan pendidikan menerusi agensinya Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Timbalan Menterinya, Datuk Khalid Yunus memberitahu, pada dasarnya penerapan mesej dan nilai-nilai positif menerusi RTM itu sudah bermula secara beransur-ansur mulai sekarang.

Katanya, tumpuan bagi

tujuan itu akan dibuat kepada program-program tempatan yang akan merangkumi keperluan keagamaan, generasi muda, pendidikan, hebahan, hiburan, drama dan sebagainya lagi.

"Kita juga mahu memanfaatkan siaran RTM dengan bahan-bahan yang boleh memupuk perpaduan dan membentuk pemikiran positif segelintir rakyat yang sudah dipesongkan oleh dakyah pembangkang," kata beliau kepada *Utusan* di pejabatnya, di sini hari ini.

Khalid menegaskan, RTM akan terus merealisasikan asas penyiaran kepada konsep mendidik, menghibur dan menyampaikan maklumat yang tepat dari semasa ke semasa.

"RTM akan memastikan siarannya terus ditingkatkan sambil menerupkan maklumat yang tepat bagi memulihkan pemikiran segelintir rakyat yang dipesong oleh pembangkang," katanya.

Menurutnya, kerajaan amat menyedari pemikiran rakyat yang dipesong oleh

nyelaraskan peranan media elektronik swasta di bawah kementerian itu sebagai pendukung usaha perpaduan masyarakat untuk kestabilan negara.

pembangkang itu akan mengakibatkan perpecahan masyarakat yang amat berbahaya kepada kesejahteraan negara.

Khalid percaya dengan kebijaksanaan dan kreativiti setiap pegawai penyiaran di segenap peringkat akan mampu menghasilkan bahan siaran RTM yang boleh membawa kesejahteraan kepada negara.

Beliau menjelaskan, pendekatan yang diambil oleh Kementerian Penerangan sekarang adalah merupakan satu penilaian se-

mula terhadap keberkesanannya semua program siaran RTM.

"Kerajaan amat menitikberatkan kepada siaran yang boleh membina sikap dan pemikiran positif rakyat dalam menghadapi alaf baru dan menyokong usaha-usaha kerajaan bagi kesejahteraan bersama," tegasnya.

Khalid menambah, Kementerian Penerangan juga sedang meneliti kerjasama dengan Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia untuk me-

LAMPIRAN 2

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 8 JULAI 99

Forum Perdana sesuai untuk semua

RANCANGAN Forum Perdana Ehwal Islam yang disiarkan menerusi TV1 setiap Khamis, mendapat tempat kedua daripada 10 rancangan paling digemari penonton. Kajian yang dilakukan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) turut mendapati rancangan itu digemari pelbagai lapisan masyarakat penonton.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, berkata kehaduan itu membuktikan rancangan bercorak agama mendapat sambutan menggalakkan daripada segenap lapisan masyarakat.

"Orang yang mendengar cukup ramai, erinya persembahan itu menarik, saya beritahu kepada pensyarah berkenaan bahawa dia didengari dan ditonton berjuta orang.

"Penarafan makin naik, tajuk dan persembahan menarik, prestasi ini mestilah dijaga dan dibaiiki," katanya sambil menambah bagi me-

mantapkan lagi rancangan itu, pihaknya berusaha melakukan beberapa perubahan, termasuk setiap ahli panel akan diminta membawa rujukan supaya dapat dilihat oleh penonton.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Pemantapan Rancangan Agama dan Televisyen Menuju Alaf Baru anjuran Jakim, kelmarin. Seminar itu dihadiri kira-kira 150 penerbit rancangan dan penceramah agama dari seluruh negara. Hadir sama Kerua Pengarah Jakim, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Dr Abdul Hamid berkata, penerbit rancangan dan penceramah agama di radio dan televisyen perlu bersedia menghadapi cabaran mengajak dan membimbing masyarakat meningkatkan prestasi kehidupan pada alaf baru.

Beliau berkata, cabaran peringkat pertama iaitu memberi pendidikan Islam kepada masyarakat sudah berjaya dilaksanakan menerusi

pendidikan formal dan tidak formal.

Sehubungan itu, katanya, penerbit rancangan dan penceramah agama perlu bersedia menghadapi cabaran peringkat kedua bagi mewujudkan masyarakat maju dan mengutamakan perpaduan, sekali gus memajukan negara.

"Tugas mereka ialah menyampaikan kepada orang ramai pegangan Islam seseorang itu tidak sempurna kalau tidak berusaha membina kehidupan yang sejahtera," katanya.

Mengulas lanjut cabaran itu, Dr Abdul Hamid berkata, kerajaan sudah melaksanakan pelbagai projek pembangunan bagi membasmi kemiskinan serta mewujudkan keamanan dalam negara.

"Oleh itu, kesedaran rakyat terhadap usaha kerajaan itu perlu dimasukkan dalam program agama yang akan disiarkan," katanya.

LAMPIRAN 3

POTONGANDARI AKHBAR BERITA HARIAN

BERTARIKH 11/5/97

Drama bermutu jadi pilihan stesen TV

Oleh AKMAL ABDULLAH

PERUBAHAN selera penonton drama tempatan menyebabkan stesen televisyen semakin teliti dengan menyiarkan drama bermutu bukan saja dari segi tema tetapi keberkesanannya lakonan dan gaya pengarahan.

Ini menuntut kreativiti lebih tinggi, disiplin dan tahap ilmu yang lebih baik daripada semua tenaga kerja produksi bagi memastikan saingan dalam industri drama tempatan berkembang sihat.

Pengarah drama, Tony Francis Gitom, mengakui jika beberapa tahun sebelum ini drama televisyen agak ketinggalan dan sering dikritik penonton tetapi ia kini mula berubah.

"Masyarakat kembali menghayati drama TV. Stesen TV, termasuk RTM juga memberi perhatian serius ketika membuat pemilihan drama yang disiarkan. Ini boleh memberi saingan baik terhadap perkembangan drama."

"Seperti slot drama Galeri di TV1 saya difahamkan jumlah penonton sudah melebihi 3 juta. Bagi saya, minat masyarakat untuk menonton drama TV sebagai cabaran kepada karyawan menghasilkan drama lebih baik dari semasa ke semasa."

"Sesuatu drama yang mahu dihasilkan tidak semestinya menggunakan pelakon popular tetapi masih boleh menggunakan pelakon baru asalkan lakonannya berkesan."

"Apa yang penting, cerita yang disampaikan menarik masyarakat terutama kisah masyarakat sendiri dan ada kaitan dengan kehendak kerajaan," katanya kepada *Persada Seni* di pelancaran drama bersiri, *Getaran Cinta* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.



TONY ...cerita perlu menarik

Drama 15 episod itu dibintangi oleh Zul Yahya, Noraini Murat, Rozishah Harun, M Rajoli, Wan Chik Daud, Fauziah Samad, Ramli Salleh, Liza Shah dan Jaafar Sabikun.

Ia memulakan penggambarannya 8 Ogos lalu dengan memilih lokasi di Kuala Pilah, Setiawan dan sekitar Kuala Lumpur.

Selain bertindak sebagai pengarah drama itu Tony juga menjadi penulis skripnya dengan kerjasama Fauziah. Drama itu diterbitkan Keris Motion.

Tony berkata, dia menggunakan beberapa pelakon baru untuk watak penting dalam *Getaran Cinta* kerana yakin dengan kemampuan bakat muda yang barus diketengahkan menerusi tunjuk ajar dan peluang yang diberi.

"Ia sesuai dengan drama yang berteraskan remaja tetapi masih sesuai dengan selera semua peringkat usia penonton kerana ada hubungan remaja dengan orang tua. Saya yakin kemampuan pelakon baru tetapi harus diberi tunjuk ajar," katanya.

Getaran Cinta cuba mengungkap amalan pertunangan da-

lam masyarakat Melayu iaitu cara merisik, adat peminangan dan cara untuk memutuskan pertunangan selain membawa mesaj kepada graduan universiti supaya tidak bergantung pekerjaan di bandar saja.

"Kekuatan drama ini saya rasa ialah kerana cinta tragis kerana ia kisah remaja yang sukar untuk membuat keputusan ketika memilih pasangan hidup apabila ibu bapa cuba mengatur jodoh anaknya."

"Cerita ini berdasarkan pengalaman orang lain. Mengenai adat pertunangan, kita harap mereka yang tidak tahu dapat menghayati cara tradisi itu yang ada keunikan tersendiri," kata Tony.

Getaran Cinta dijangka disiarkan menerusi TV1, bermula November ini.

Sementara itu, pelakon utama drama itu, Zul Yahya, berkata dia membawa watak Harry, seorang pemuda yang menghadapi konflik emosi dan peribadi berkaitan usahanya mencari calon isteri.

"Bagi saya watak ini mencabar kerana harus mendalamai gaya pemuda kampung yang berlulusan universiti tetapi tidak suka tinggal di kampung. Watak Harry yang sudah memutuskan pertunangan mahu kembali kepada bekas tunangnya," katanya.

Noraini yang membawa watak Yasti pula menyifatkan peluang yang diberikan Tony untuk watak utama sangat dihargainya kerana banyak cabaran baru terpaksa ditempuhinya.

"Watak yang saya bawa memerlukan saya banyak bermain emosi dan kerap menangis. Saya cuba buat yang terbaik menerusi tunjuk ajar pengarah," katanya yang mula berlakon sejak 1996.

LAMPIRAN 4

LAMPIRAN 4

POTONGAN DARI AKHBAR BERTARikh 23 JUN 1995

Mutu drama perlu dipertingkat

Oleh Akmal Abdullah

PENERBIT dan karyawan harus meningkatkan tahap mutu drama tempatan supaya pengisian yang dipaparkan memenuhi corak budaya masyarakat dan aspek teknikal yang menarik.

Selain itu, mereka juga harus memperbanyakkan karya berunsur teladan atau yang mampu memberi santapan jiwa dan minda penonton.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamed berkata, sudah tua masanya perubahan dilakukan terhadap drama tempatan kerana selama ini masyarakat lebih banyak disogok-kait dengan bahan berbentuk hiburan semata-mata.

"Kita mual tengok teknik, dialog, jenaka dan persempahan yang dipaparkan dalam drama tempatan. Adakalanya kita malu nak sebut walaupun ada rating yang baik."

"Kita mahu industri drama dan perfileman lebih kukuh pada abad baru nanti. Apa yang kita lahirkan pada abad ini sekadar latihan dan kita menerpuh banyak kegagalan."

"Banyak pihak minta dibuat perubahan dalam drama yang disiarkan di RTM. Dari segi budaya dan corak masyarakat Melayu, biarlah tepat. Ini tidak, se-

tiap kali babak makan, masa itulah nak bergaduh."

"Beginu juga kalau untuk babak marah anak, tidak perlu ditengking. Kalau saya campur tangan di RTM untuk pemilihan drama, saya tidak akan benarkan drama seperti ini," katanya.

Suleiman berkata demikian ketika melancarkan drama *Rahsia Demi Rahsia* (Siri 2) terbitan Keris Motion di Angkasapuri, kelmarin.

Turut hadir Pengurus Keris Motion yang juga penerbit drama itu, Mohamed Jusoh dan barisan pelakonnya.

Beliau juga berkata, masyarakat sekarang mahu pengisian dan arah tuju drama tempatan yang lebih baik dan ia harus diberi perhatian oleh semua syarikat penerbitan.

"Kepada semua pihak dan karyawan, sambutlah pada alaf baru ini (dengan drama bermutu). Kita sudah banyak ketinggalan. Biarlah kita maju kali ini."

"Selain buat duit, marilah kita hasilkan drama atau filem yang boleh mengubah mentaliti dan corak masyarakat ke arah yang baik," katanya.

Menurut Suleiman, RTM akan

membuka lebih banyak peluang untuk membeli drama terbitan tempatan termasuk di kalangan mereka yang sebelum ini tidak pernah dramanya dibeli badan penyiaran itu.

"Kita sedar banyak drama yang gagal dapat peluang, tersangkut, tidak mendapat dorongan dan hanya yang terpilih mendapat keistimewaan."

"Kali ini tidak. Kita ada harapan terhadap industri ini. Untuk mencapainya, ia bermula dari semua aspek dan tempat. RTM beri peluang kepada semua penerbit yang serius dalam bidang ini," katanya.

Pada majlis itu, turut dipaparkan se-dutan bahagian pertama drama *Rahsia Demi Rahsia* yang mendapat sambutan baik penonton sesudah disiarkan sebanyak 12 episod sebelum ini.

Sambutan baik terhadap drama itu mendorong RTM untuk meminta sambungannya dibuat untuk 12 episod lagi. Drama itu disiarkan di TV1 menerusi slot Galeri.

Antara pelakon yang membintangi drama arahan Tony Francis Gitom itu ialah Mahmud Ali Bashah, Siti Shahiriza Saifudin, Ramli Salleh, Fauziah Samad dan Adam Hamid.

LAMPIRAN 5

LAMPIRAN 4

OTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARIKH 31 JULAI 1999

Drama bermutu untuk peminat TV1

Oleh Akmal Abdullah

RANCANGAN berbentuk drama adalah paling digemari oleh penonton TV1 walaupun stesen itu masih menyiarkan drama ulangan, selain beberapa drama baru yang disifatkan semakin bermutu.

Atas sebab itu, RTM kini memberi perhatian serius menyiarkan drama bermutu dengan membuat pemilihan rapi bagi mempertingkat keseluruhan mutu rancangan di stesen itu.

Tiga rancangan baru yang diperkenalkan kelmarin, iaitu dua drama dan satu rancangan majalah untuk wanita dijangka dapat menarik lebih ramai penonton untuk mengikuti saluran itu sejajar slogan RTM, 'Setia Bersama Anda'.

Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Jaafar Kamin, berkata berikut rancangan berbentuk drama muncul antara rancangan TV yang digemari penonton TV1, stesen itu menyiarkan kira-kira 19.5 jam rancangan drama bagi tempoh seminggu.

"Ia adalah 16.05 peratus dari jumlah masa siaran seminggu. Dari jumlah itu juga, 10.5 jam atau 53.85 peratus adalah drama ulangan manakala selebihnya drama baru.

"Dari sembilan jam drama baru pulak, 7.5 jam adalah drama tempatan dan 1.5 jam ialah drama import termasuk sejarnya drama Indonesia dan setengah jam lagi

drama Arab.

"Kami sedar promosi amat penting dalam menentukan kejayaan untuk memikat sebanyak mungkin penonton kepada sesuatu rancangan baru yang mahu dihidangkan kepada penonton.

"Dari semasa ke semasa juga, RTM akan cuba sebaik mungkin mempertingkat mutu rancangan drama dan majalah khusus untuk wanita tempatan, sama ada ia diterbitkan RTM sendiri atau penerbitan swasta," katanya.

Jaafar berkata demikian di pelancaran tiga rancangan baru TV1 di Angkasapuri, kelmarin. Teks ucapannya dibaca oleh Pengarah TV RTM, Aminah Mohd Nor.

Turut hadir ialah Pengawal TV1, Yusof Rashid; Pengarah Urusan Eurofine Sdn Bhd, Ida Rahayu Mohd Noor serta barisan pelakon dan pengarah drama Athirah, Antara KL Dan Semperna dan Gaya.

Ketiga-tiga rancangan itu diterbitkan Eurofine.

Jaafar juga berkata, TV1 turut menyiarkan rancangan berbentuk hiburan bermaklumat (infotainment).

"Sebanyak 11.5 jam atau 9.47 peratus masa siaran seminggu di Saluran Perdana diisi dengan rancangan berbentuk ini.

"Antaranya ialah rancangan majalah wanita seperti Jelitawan

yang disiarkan setiap Rabu, jam 11.02 pagi dan rancangan Fesyen pada setiap Khamis, jam 11.02 pagi," katanya.

Selain dua drama baru yang mengisi slot pada Selasa dan Jumaat, rancangan khusus untuk wanita, Gaya akan menggantikan rancangan Jelitawan bermula 4 Ogos ini.

Gaya yang menampilkan pengacara berbakat, Jamilah Wadan, bakal membawa penonton beriadah ke seluruh negara sambil membeli-belah barang buatan Malaysia.

Pengisian rancangan itu dijangka lebih menarik dengan membawa kelainan tersendiri dan sasaran penonton ialah golongan wanita pertengahan umur. Ia lebih menjurus kepada kewanitaan, rekreasi, pelancongan dan barang buatan tempatan.

Rancangan itu dihasilkan sebanyak 13 episod menerusi arahan Wan Ibrahim Wan Omar. Pada setiap episod, pengacara membawa penonton meninjau pusat membeli-belah terkenal yang terdapat di seluruh negara bagi mencari barang keperluan seperti pakaian dan perhiasan diri sebagai panduan.

Ia juga memuatkan tips sesuai yang ditunjukkan menerusi visual. Tempoh rancangan ini ialah 30 minit setiap episod.

LAMPIRAN 6

RTM tambah siaran secara langsung

TV1 menyiarkan rancangan bahasa Melayu 95.06 peratus atau kira-kira 115.5 jam seminggu. Hanya 3.70 peratus (4.5 jam) dalam rancangan bahasa Inggeris, 0.83 peratus (bahasa Indonesia) dan 0.41 peratus adalah rancangan bahasa Arab.

Sebanyak 40.66 peratus pula rancangan berbentuk maklumat diikuti program hiburan iaitu 26.34 peratus, maklumat dan hiburan 9.47 peratus, maklumat dan pendidikan 9.05 peratus, program agama 8.84 peratus dan lain-lain 5.64 peratus.

Mengikut penjadualan TV1 untuk 1999/2000, jumlah siaran TV1 ialah 121.5 jam seminggu. Waktu siaran antara Ahad hingga Khamis bermula dari jam 7 pagi hingga 12.15

malam berjumlah 17.25 jam.

Waktu siaran Jumaat (jam 7 pagi hingga 12.30 malam) berjumlah 17.5 jam dan pada Sabtu (jam 7 pagi hingga 12.45 malam) 17.75 jam.

Bermula awal April, TV1 akan menyiarkan beberapa rancangan terbitan sendiri dan kebanyakannya disiarkan secara langsung.

Bermula 2 April ini, pada jam 10.30 pagi saluran itu menyiarkan *Majalah Pertanian*, *Seiasa* (*Majalah Kesihatan*), *Khamis* (*Majalah wanita*) dan *Gemilang Malaysia* (jam 8.30 malam). Sabtu (*Majalah Rekreasi* pada jam 3.30 petang).

Bermula pada 4 April, TV1 menyiarkan *Hiburan Minggu Ini - Penghibur* pada jam 8.30

malam diikuti *Telebriti* pada Isnin, jam 9 malam dan Satu (10 April), jam 2.30 petang.

Bagi segmen yang dibekalkan oleh pembekal swasta ialah *Fesyen* (Khamis, jam 11 pagi, *Pancing-Pancing* (Ahad, jam 4 petang), *Islam di Sepanyol* (Jumaat jam 4.30 petang), *Sihat Ria* (Ahad jam 12.30 tengah hari), *Anak-Anak Sidek* (Isnin jam 7.30 malam), *Taman Kancil* (Selasa jam 7.30 malam), *Yokies* (Ahad jam 7.30 malam), *Gerak Khas* (Isnin jam 9.30 malam) dan *Era IT* (Isnin jam 11 malam).

Selain itu, TV1 turut menyiarkan drama 13 episod dari Indonesia berjudul *Jejaka 2000*. Rancangan khas itu di bawah perjanjian bersama dengan stesen swasta Indonesia iaitu SCTV.

LAMPIRAN 7

KERATAN AKHBAR

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARikh 06 JUN 1999

RTM jangan menyimpang tujuan asal: Pak Lah

LALA LUMPUR: Datuk Sri Abdullah Ahmad Dahni mengingatkan Radio Televisyen Malaysia (RTM) supaya tidak menyimpang daripada tujuan asal penubuhannya, iaitu untuk menampaikan dasar kerajaan pada rakyat.

Timbalan Perdana Menteri berkata, RTM sebagai agensi kerajaan perlu terus memainkan fungsi untuk menyampaikan mesej kerajaan terutama ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi.

Menurutnya, fungsi RTM tidak berubah dari

segi matlamat walaupun berlaku perubahan termasuk persaingan dengan stesen penyiaran swasta dan ledakan teknologi maklumat.

Bagaimanapun, katanya, RTM perlu juga inenikurkan program yang sesuai dengan keadaan sekarang supaya ia terus relevan pada alaf akan datang.

"RTM sudah memainkan fungsi ketika kerajaan mulai melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) kerana pada waktu itu seseorang pihak tidak sahaman tengah berkenaan dan menganggapnya sebagai

dasar pilih kasih.

"Begitu juga ketika negera menghadapi konflik dan ketika kerajaan menentang Rukun Negara, RTM sudah memberi sumbangan besar dari segi menyampaikan maklumat sebenar kepada rakyat.

"Kegawatan sekarang menaksa RTM melaksanakan fungsi lebih aktif kerana kerajaan menggu-

nakan kaedah tidak konvensional dalam mengatas kegawatan ekonomi," katanya dalam Majlis Setia Bersama RTM di sini malam tadi.

Janjiuan makan malam itu

bertujuan menghargai jasa kakitangan yang berkhidmat dengan RTM terutama mereka yang bekerja lebih 25 tahun dengan gesen penyiaran itu.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob, timbalannya, Datuk Suleiman Mohamed dan Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Jaafar Kamin.

Abdullah berkata, RTM perlu menyampaikan mesej kerajaan supaya rakyat salam dan dapat menjadi peserta aktif pembangunan serta menggesa rakyat menyokong kerajaan.

"Saya kira tugas ini bukan berat kerana kerajaan sentiasa berjuang rakyat dan dipilih oleh rakyat dalam sistem negara demokrasi, katanya.

Mengenai cabaran yang dihadapi RTM, Abdullah berkata, slogan 'Setia Bersama RTM' perlu dijadikan maklumat ketika memberi penghargaan kepada rakyat.

"Dulu orang mempercayai radio sebagai satu-satu saluran, tetapi kini ada setengah pihak yang mempercayai Internet berbanding saluran radio kerajaan," katanya.

LAMPIRAN 8

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARikh 23 DIS 1959

Inilah Radio Malaya' berkumandang sejak 1937

PETIKAN

Perancangan dibuat dengan teliti dan teratur bagi meletakkan batu asas yang kukuh supaya media elektronik mampu menjadi alat yang membantu membina negara yang merdeka lagi berdaulat

Perkembangan penyiaran teruji pada Perang Dunia Kedua. Angkara semaraknya Perang Dunia Kedua di Eropah mulai 3 September 1939, menyebabkan Kerajaan Negeri Selat pada masa itu mengambil alih BMBC yang diserapkan ke dalam orbit Kementerian Penerangan dengan diberi gelaran Malaya Broadcasting Corporation (MBC).

MBC beroperasi di bangunan Cathay berhampiran Orchard Road di Singapura. Warta beritanya disiarkan dalam bahasa Inggeris, Cina (sembilan dialek), Melayu, Tamil, Hindustan, Urdu, Perancis dan Belanda bagi faedah penduduk tempatan dan askar pelbagai bangsa yang ditempatkan di Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu.

Apabila tercetusnya Perang Dunia Kedua, tentera Jepun merempuh masuk dari utara Semenanjung pada 7 Disember 1941. Mereka mara ke selatan secara kilat, menawan seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura dalam masa 68 hari saja. Keseluruhan sistem penyiaran radio yang hampir lengkap dengan segalanya pada masa itu jatuh ke tangan Tentera Jepun.

Pada zaman pendudukan Tentera Jepun (1942-1945), siaran radio di Singapura (Syonan-To) dan Pulau Pinang dieksplorasi sepenuhnya sebagai alat propaganda Jepun oleh 'Hitai San' yang juga mendirikan studio dan alat pemancarnya di Kuala Lumpur, kemudian di Ipoh, Melaka dan Seremban secara kecil-kecilan. Namun disebabkan kekurangan alat ganti pada masa perang, maka mutu teknikal siaran radio didapati beransur pudar.

Apabila Pentadbiran Ketenteraan British (1945-1948) kembali bertapak setelah Jepun menyerah diri, kerja memperbaiki peralatan siaran radio diutamakan. Ia dimulakan dengan stesen di Singapura, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Apabila pemerintahan tentera British tamat pada 1948 (tarikh RTM gunakan sebagai tahun kelinjurnya, 1 April 1946), perkhidmatan radio di Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu digabungkan menjadi satu entiti. Ia dinamakan Jabatan Penyiaran, bersifat 'Pan-Malayan', beribu pejabat di Caldecott Hill, Singapura.

Semua pegawai kanan dan perkhidmatan utama Radio Malaya daripada Pengarah, Timbalannya, Ketua Jurutera, Ketua Pengarang, Radio Orkestra, Ketua Siaran ke Sekolah-Sekolah, Ketua Petadbiran sehingga tiga penyelia perkhidmatan bahasa tempatan: Melayu, Cina (tujuh dialek) dan Tamil juga ditempatkan di Kompleks Caldecott Hill. Hanya pada Ogos 1955 barulah Penyelia Rancangan Melayu dipindahkan ke Kuala Lumpur dengan penulis sebagai penyandangnya.

Radio Malaya ketika itu berkhidmat di bawah telunjuk 'Tuan Besar Mat Salleh'. Semua stesen radio di Semenanjung Tanah Melayu sehingga tarikh hikmat 11 Februari 1959, dianggap tidak melebihi satelit yang berlegar di sekitar ibu pejabat

Oleh Dol Ramli

MEDIA elektronik, khususnya penyiaran yang meliputi radio dan televisyen mempunyai ciri-ciri kelebihan sendiri mengatasi media penerangan, hiburan dan banuan pendidikan dari segi kepentasan pendekatannya. Keupayaannya menyusup ke seluruh pelusuk rumah dengan sekelix mata, memanfaatkan sistem gelombang mikro dan satelit angkasa, disokong dengan keupayaan masyarakat yang memiliki radio dan televisyen bagi membolehkan konsep 'perkampungan sejagat' terserlah. Kesan dan pengaruhnya berbeza, sama ada positif atau negatif mengikut keadaan dan agenda pengurus stesen penyiarannya.

Sejarah penyiaran di dunia sebelah sini, sebelum 1 Februari 1959 meliputi siaran radio dalam keduanya wilayah Singapura dan Semenanjung yang berjaringan rapat, tidak boleh dipisahkan. Pada zaman sebelum tercetus Perang Pasifik (mulai 7 Disember 1941) memang sudah ada beberapa stesen radio amatur kecil-kecilan sejak 1922 seperti yang wujud di Singapura. Ini diikuti Johor Bahru dan Pulau Pinang (1924).

Stesen radio di stesen itu terbatas masa siarannya, kandungan dan kuasa pemancarnya. Hanya apabila syarikat profesional, British Malaya Broadcasting (BMBC) julung-julung kali memulakan perancangannya pada 1936 di Caldecott Hill, Thomson Road, Singapura. Ia membina kompleks pejabat studio dan stesen pemancarnya secara besar-besaran dan teratur yang memantapkan era penyiaran di keduanya wilayah. Ungkapan 'Inilah Radio Malaya' berkumandang di udara mulai 1937.

POTONGAN DARI AKHBAR **BERITA HARIAN**BERTARIKH **23 Ogos 1999**

bat Caldecott Hill, Singapura, mengikut arahan 'Mat Salleh' dan terpaksa akur dengan segala kehendaknya.

Kandungan siaran dan warta berita, dasar rancangan dan pembangunan serta pengambilan pekerja dibatasi oleh agenda Kerajaan British. Ini terjadi walaupun dalam konsep 'Pan-Malayan', kos Jabatan Penyiaran pada teorinya dikongsi bersama dengan suara dan kepentingan kedua-dua wilayah diambil kira sama berat.

Bagaimanapun, amalan ini tidak berlaku sebagai mana juga panggilan 'British Advisor' di negeri Persekutuan Tanah Melayu sebelum merdeka yang mana pada amannya dimestikan nasihat mereka dipatuhi Raja-raja Melayu. Kedudukan sedemikian menimbulkan kegelisahan di kalangan pegawai dan pekerja tempatan Semenanjung, lebih-lebih lagi ketika semangat kebangsaan membara di kalangan pegawai dan pekerja tempatan Semenanjung.

Keadaan ini tambah memuncak setelah Malaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Atas gesaan kuat pegawai kanan tempatan, walaupun segelintir saja bilangan mereka pada masa itu, Kerajaan Malaya bersetuju dengan cadangan membebaskan Radio Malaya di Semenanjung daripada kawalan Singapura mulai 1 Februari 1959.

Perancangan dibuat dengan teliti dan teratur bagi meletakkan batu asas yang kukuh supaya media elektronik mampu menjadi alat yang membantu membina negara yang merdeka lagi berdaulat. Ini dapat dibuktikan dengan peranan Radio Malaya/Malaysia ketika negara menghadapi masalah besar seperti memerangi keganasan komunis pada masa Darurat (1948-1960), menangani peristiwa 13 Mei 1969 dan membantu mematahkan konfrontasi Indonesia.

Jabatan Penyiaran juga mengambil peranan yang aktif dan pesat dalam usaha menubuhkan Kesatuan Penyiaran Asia Pasifik (ABU) pada 1964 setelah Radio Malaya menjadi tuan rumah perhimpunan Persidangan Penyiar Asia (ABC) pada 30 Ogos 1962 di Kuala Lumpur yang dirasmikan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Persidangan ABC di Kuala Lumpur adalah yang julung kali diadakan di luar Tokyo. Keputusan besar yang dibuat ketika itu ialah penggubalan Kod Etika Penyiaran Asia serta pewujudan ABU, yang kemudiannya dirasmikan di Sydney pada 1964. Dua wakil Malaya dilantik sebagai naib presiden badan berkenaan.

Mungkin tidak ramai sedar Malaysia kini menjadi pusat penyiaran bagi Asia-Pasifik. Dalam kawasan kompleks Angkasapuri wujud segala pejabat urusan ABU seperti pejabat Setiausaha Agung (dulu di Sydney, kemudian Teheran), Pejabat Urusan Rancangan (dulu Sydney), Peja-

bat Perkhidmatan Kejuruteraan (dulu di Tokyo) dan Institut Pembangunan Penyiaran Asia Pasifik (AIBD), kemudahan latihan penyiaran di peringkat atasan bagi Asia Pasifik.

Tidak hairanlah RTM kini menduduki kerusi tetap (bersama NHK, Jepun) dalam Majlis Pentadbiran yang menentukan dasar dan aktiviti utama ABU di kalangan anggotanya. Perancangan projek menaikkan imej antarabangsa Malaysia ini mula dibuat pada 1960 dengan mendapat sokongan Wisma Putra.

Sesungguhnya RTM mampu menghadapi alaf baru. Ia mampu menggunakan peralatan baru dan teknologi canggih yang membabitkan sistem satelit, digital, grafik komputer, gentian fiber serta berjaya membina segera infrastruktur penyiaran moden dan sempurna.

Ia mempunyai kompleks Angkasapuri yang tersergam, stesen dan perkhidmatan baru di merata tempat termasuk siaran Suara Malaysia yang kuat alat pemancarnya, kemudahan latihan yang berhampiran seperti AIBD dan Institut Penyiaran Tun

PETIKAN

RTM mampu menggunakan peralatan baru dan teknologi canggih yang membabitkan sistem satelit, digital, grafik komputer, gentian fiber serta berjaya membina segera infrastruktur penyiaran moden dan sempurna

Abdul Razak (IPTAR). Selain itu, RTM mengendalikan Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) yang dimanfaatkan sempena Sukan Komanwel ke-16 pada September 1998, beberapa orkestra di pusat dan ibu pejabat wilayah RTM dan stesen permerhati di Klang.

RTM yang bakal diperbadankan berpotensi menjadi sebuah media elektronik serba boleh, dihormati dan disegani dunia penyiaran dan mampu menghadapi alaf baru dengan penuh yakin dan bersemangat kenegaraan.

Datuk Dol Ramli berkhidmat di RTM dari 1948 hingga 1974 dan bersara sebagai Ketua Pengarah /

LAMPIRAN 9

Unit Dokumentasi
Cawangan Penyelidikan
Kementerian Penerangan Malaysia

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN BERTARikh 6 OKT 1993

Daripada radio hingga TV satelit

WALAUPEN masih baru, perkembangan bidang penyiaran, khususnya televisyen di Malaysia berkembang pesat. Daripada televisyen hitam putih dan warna, ia mencapai teknologi kabel dan satelit. Ikuti laporan wartawan *Berita Harian*, HARDI EFFENDI YAACOB dan ELLYNA ALI

SEJARAH penyiaran di negara ini bermula apabila Al Birch, jurutera elektrik kerajaan membawa masuk set radio pada 1921, diikuti pembinaan studio Perbadanan Penyiaran British Melaya serta stesen pemancar di Bukit Celdott, Singapura pada 11 Mac 1937.

Pelbagai peristiwa berlaku ketika pendudukan Jepun dan darurat sehingga-lah pada awal 50-an yang mana ketika itu kegiatan penyiaran beroperasi di Jalan Young (kini Jalan Cenderasari), Kuala Lumpur, sebelum berpindah ke Bangunan Persekutuan pada 1956.

Inilah Radio Malaysia diungkapkan pertama kali serentak dengan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 menandakan permulaan siaran radio secara rasmi di negara ini.

Siaran televisyen pula bermula apabila Radio Televisyen Malaysia (RTM) diperkenalkan pada 28 Disember 1963 di studio Dewan Tunku Abdul Rahman, Jalan Ampang dan berpindah ke Angkasapuri pada 6 Oktober 1969. Rangkaian kedua RTM dilancarkan pada 17 November 1969.

Pada 28 Disember 1978, kegiatan penyiaran melang-

Siaran televisyen berwarna dapat memenuhi citarasa penonton yang kian bertambah, malah meningkatkan mutu penerbitan rancangan. Selain membeli rancangan dari luar negara, penerbitan di peringkat dalaman terus diperbanyakkan, sehingga bermula era penswastaan program televisyen. Siaran langsung turut bertambah.

RTM tidak mengabaikan rancangan berbentuk maklumat seperti Wawancara dan Hal Ehwal Islam. Siaran televisyen pada waktu pagi diperkenalkan pada 1 Mac 1994 bagi membolehkan lebih banyak penyiaran rancangan berbentuk maklumat.

TV1 (Saluran Perdana) lebih bercorak pendidikan dan penerangan, manakala TV2 (Saluran Emas) untuk drama dan hiburan berbahasa Inggeris, Tamil dan Mandarin.

Selepas lebih 20 tahun, RTM boleh berbangga kerana menggunakan pelbagai peralatan canggih setanding negara maju lain, termasuk penggunaan komputer sepenuhnya dalam operasi siaran yang dikendalikan Pusat Operasi Siaran (TOC) dan penggunaan satelit penerimaan siaran (Komsat).

Industri televisyen memasuki era baru apabila stesen televisyen swasta pertama, Sistem Televisyen Malaysia Berhad, pengendali stesen TV3 ditubuhkan pada 15 Jun 1983 dan

Siaran televisyen berkenaan diperluaskan ke seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak secara berperingkat. Selepas 15 tahun beroperasi, TV3 masih menjadi stesen televisyen swasta yang mempunyai jumlah penonton tertinggi di Malaysia, bertepatan dengan slogannya, *Berita Terkini Hiburan Sensasi*. Antara kejayaan yang pernah di tempa TV3 ialah hak siaran eksklusif Sukan Olimpik 1984 di Los Angeles, Amerika Syarikat; Hadiah Kewartawanan Malaysia 1992 (Dokumentari Terbaik – Majalah Tiga – Rohingya) dan Anugerah Kewartawanan Alam Sekitar Terbaik ICI 1993.

Pada 21 Oktober 1996, Perdana Menteri, Datuk Dr Mahathir Mohamad, melancarkan pusat operasi TV3 di Sri Pentas.

Menerusi 24 pemancar stesen di seluruh Semenanjung, Sabah serta Sarawak, penonton TV3 dianggarkan berjumlah 13.6 juta. TV3 boleh diikuti di beberapa negara ASEAN termasuk Brunei, Thailand, Indonesia dan Filipina, selain beberapa wilayah Asia Pasifik.

Pada 1 Julai 1995, muncul sebuah lagi saluran televisyen swasta, MetroVision yang dikendalikan City Television Sdn Bhd, yang mana siarannya hanya bertemu di Lembah Klang hingga kini.

MetroVision juga adalah stesen TV pertama di rantau ini yang menggunakan Komponen Teknologi Digital Bersiri (SDTC) bagi mendapatkan kualiti gambaran bertaraf digital. Ia turut menggunakan teknologi NICAM 728 bagi mendapatkan sistem pemancaran bunyi bertaraf hi-fi.

Siaran MetroVision dipancarkan menggunakan pemancar *Ultra High Frequency* (UHF) Saluran 27 dari stesen pemancar Gunung Kali, berhampiran Genting Highlands. Penonton MetroVision di Lembah Klang dikenal pasti berjumlah 4 juta orang sehari berdasarkan kaji selidik, baru-baru ini.

MetroVision kini dalam perancangan untuk memperluaskan siarannya ke seluruh negara. Untuk tujuan itu, mereka akan mewujudkan pemancar di empat kawasan seperti Gunung Jerai (Kedah), Gunung Klebang (Perak), Menara KL dan Gunung Pulai (Johor) secara berperingkat. Ia menyiarkan 75 peratus rancangan dari Amerika Syarikat, 10 peratus (Eropah) dan selebihnya adalah rancangan tempatan.

Stesen ntv7 yang dikenalikan Nat Seven Sdn Bhd disiarkan serentak ke seluruh negara pada 7 April 1998 dengan menggunakan frekuensi UHF yang mampu menghasilkan mutu gambar serta bunyi digital.

Penonton ntv7 dianggarkan berjumlah 4.6 juta orang, yang mana sebahagian besarnya bertumpu di kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia dan beberapa bahagian di Sabah dan

Sarawak. Dengan terbina ny dua pusat penyiaran di Shah Alam dan Kuching, siaran ntv7 dipancarkan dari 10 stesen pemancar di seluruh negara. Siaran ntv7 bermula jam 12 tengah hari dari Isnin hingga Jumaat. Pada hujung minggu, ia bermula jam 9 pagi.

Bidang penyiaran turut menempa sejarah dengan adanya Mega TV, perkhidmatan TV berbayar pertama tempatan, empat tahun lalu. Saluran TV kabel itu dikenalikan Cableview Services Sdn Bhd.

Setakat ini, ia menawarkan lapan saluran televisyen yang ke udara 24 jam setiap hari iaitu CNN, Discovery, ESPN, HBO, Cartoon Network, TNT, Variety, AXN Action TV, CTN Channel dan Thangathurai.

Mega TV memperoleh semua saluran itu menerusi sebuah satelit khas yang dikenali sebagai *Television Receive Only* (TVRO). Mega TV dipancarkan dengan menggunakan *Multi-channel Multi-point Distribution System* (MMDS), yang

mana ia akan diperoleh pelanggan menerusi antena khas. Jumlah pelanggan aktif Mega TV ialah 85,000. Siarannya meliputi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Pelancaran Satelit Malaysia Asia Timur (Measat) I pada 13 Januari 1996 dan Measat II, tidak lama selepas itu di Kuorou, French Gueina, Perancis ke slot orbit 91.5 serta 148 darjah timur membuka peluang negara menggunakan satelit dalam bidang komunikasi dan penyiaran.

Penubuhan Measat Broadcast Network Systems (MBNS) Sdn Bhd pada 12 Mei 1992 sebagai pengendali stesen radio dan televisyen satelit pertama negara, Astro dilancarkan 25 September 1996, yang mana siarannya bermula enam hari berikutnya membuka peluang kepada masyarakat tempatan menikmati pelbagai jenis rancangan hiburan atau bermaklumat.

Astro menyediakan 25 saluran rancangan berbentuk filem, drama, berita, do-

Channel (V), TNT & Cartoon Network, Disney Channel, Discovery Channel, Astro Supersport dan CNBC Asia, selain TV1 serta TV2.

Astro menawarkan enam saluran rancangan bagi radio termasuk Hits, MIX, Light & Easy, ERA, MY, Opus, Classic Rock dan Golden Oldies yang dikenalikan Airtime Management Programme (AMP)

Radio Network Sdn Bhd.

Saluran televisyen Astro disiarkan menggunakan teknologi Terus-kepada-Anda (DTU). Saluran radionya pula disiarkan dengan menggunakan teknologi Frequency Mono (FM), selain DTU. DTU hanya terdapat dalam sejenis peralatan khas yang dikenali sebagai Sistem Multimedia Digital (DMS).

Ia dipancarkan dari Pusat Penyiaran Asia (ABC), sebuah kompleks serba canggih bernilai RM500 juta yang dibangunkan MBNS.

Astro mempunyai lebih 200,000 pelanggan hingga kini. Ia akan diperluaskan secara berperingkat ke beberapa negara lain seperti India, Vietnam, Filipina, Taiwan, Singapura, Brunei dan Indonesia.

kumentari, animasi, sukan dan muzik tempatan, selain luar negara. Antaranya Astro Ria, Astro Wah Lai Toi, Hallmark, Star World, NHK World, National Geographic Channel, HBO, Cinemax, Star Movies, Astro Asian Entertainment Channel, Astro Vaanavil, CNN International, Bloomberg Television, Astro Promos, Star Sports, ESPN, MTV,

LAMPIRAN 10

POTONGAN DARI AKHBAR UTUSAN MALAYSIA..... BERTARikh .. 30 . 11 . 99.

Suatu pandangan terhadap siaran TV di Malaysia

Saudara Pengarang,

SAYA ingin melahirkan rasa tidak puas hati saya, terhadap rancangan-rancangan yang disiarkan oleh TV1 dan TV2.

Sejak kebelakangan ini kebanyakannya rancangan yang disiarkan telahpun ditayangkan suatu ketika dulu misalnya semasa Hari Raya Aidilfitri filem seperti *Sinfoni Duniaku* di siarkan semula.

Seharusnya RTM lebih peka untuk memilih filem yang mengikut arus semasa.

Saya juga kecewa kerana slot filem Hindi dan filem Tamil tidak menampilkan filem yang baru dan dilakukan oleh aktor terkenal Shah Rukh Khan, Salman, Karisma dan sebagainya.

Di sini saya ingin memberikan pandangan terhadap Be-

rita Perdana kerana ada beberapa kekurangan yang menyebabkan ia kurang menarik.

Pertamanya, latar belakang yang berwarna kelabu dan hanya dihiasi dengan perkataan TV1 menampakkan ia kurang ceria, walaupun pembaca beritanya memakai pakaian yang berwarna terang dan ceria.

Mengesyorkan

Saya mengesyorkan agar latar belakangnya ditukarkan kepada warna yang lebih berwajah ceria dan ini membolehkan penonton bersama lebih selesa dan lebih gembira serta hiasilah latar belakangnya dengan gambar-gambar yang sesuai.

Di sini juga, saya mengharapkan agar pihak stesen TV

swasta dapatlah sekiranya, meluaskan siaran mereka ke serata pelosok negeri di Malaysia ini agar dapat diterima oleh semua warga kota dan warga desa.

Saya merasa terkilan, kerana saya tidak berpeluang menikmati siaran TV3, Metrovision dan ntv7 yang semakin diminati ramai. Bayangkanlah, yang saya hanya berpeluang menonton siaran TV1 dan TV2 sahaja.

Saya tidak mahu di masa akan datang siaran TV yang ada telahpun melebihi 10 siaran, tetapi saya masih hanya menerima TV1 dan TV2 sahaja.

Bukankah ini satu perkara yang membuatkan kita akan ketinggalan zaman, kerana semua orang telah pun jauh ke depan, tetapi saya antara

yang masih jauh di belakang.

Bagaimanapun, saya menaruh harapan yang tinggi agar pihak yang berkenaan dapat membaca luahan hati saya ini, kerana setahu saya siaran televisyen swasta tidak memerlukan langganan oleh para penonton.

Kegemaran

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak RTM, kerana telah menyiaran siri kegemaran ramai iaitu *The Cave of the Golden Rose* yang telah ditayangkan selama 8 hari berturut-turut.

Diharapkan, agar suatu hari nanti RTM mampu menyiaran filem-filem yang berunsurkan sedemikian.

Jutaan terima kasih juga kerana Saluran Emas telah

menghiburkan para penonton dengan tayangan Chinese Series iaitu setiap jam 7 malam.

Cumanya di sini, saya sedikit terkilan, kerana waktunya tayangannya tidak sesuai, malah saya rasa lebih bagus ditayangkan pada pulak 5.30 petang.

Saya berharap agar penyusunan rancangan dibuat semula, kerana slot drama Cina yang menghiasi di waktu 5.30 petang amatlah membosankan iaitu di hari Isnin hingga ke hari Sabtu.

Di akhir kata, saya cuma memberikan pandangan dan anggaplah ia sebagai teguran untuk maju lebih ke hadapan. — KUCH KUCH HOTA HAL, Tapau, Perak.

LAMPIRAN II

POTONGAN DARI AKHBAR BERITA HARIAN

BERTARIKH 5/8/95

Siri sukaneka untuk seisi keluarga di TV1

Oleh Akmal Abdullah

RANCANGAN berbentuk permainan sukaneka atau *game show* muncul sebagai rancangan paling digemari kebanyakan penonton televisyen tempatan, selain rancangan bercorak drama dan situasi komedi (sitkom).

Atas kesedaran itu, RTM berusaha menyediakan lebih banyak rancangan berkongsep sedemikian dalam usaha untuk menarik lebih ramai penonton mengikuti Saluran Perdana dan Saluran Emas sejajar slogan badan penyiaran itu, Teman Setia Anda.

Mulai 8 Ogos ini, satu lagi rancangan berbentuk permainan sukaneka terbitan tempatan berjudul *Keluarga Ria Seven Seas* akan disiarkan menerusi TV1 sebagai memenuhi permintaan penonton setia salurannya.

Ketua Pengarah Peristiwaran, Datuk Jaafar Kamin, berkata rancangan itu disifatkan istimewa kerana menampilkan konsep 'keluarga sihat gembira selalu' iaitu di samping bersuka ria, peserta dan penonton mendapat maklumat mengenai petua menjaga kesihatan.

"RTM amat tertarik dengan konsep rancangan ini kerana bersesuaian dengan kempen kerajaan untuk memupuk ke-sejahteraan institusi keluarga yang menjadi tonggak kepada kejayaan masyarakat dan negara."

"Keluarga Ria Seven Seas akan menemui penonton bermula Ahad ini di TV1, jam 11.02 pagi. Konsepnya berbeza dengan rancangan *game show* lain dan menyediakan hadiah lumayan."

"RTM juga berbangga kerana semua rancangan *game show* yang disiarkan di TV1 adalah terbitan tempatan," katanya pada majlis pelancaran rancangan itu di Angkasapuri, kelmarin. Tekst ucapananya dibaca oleh Pengarah TV RTM, Aminah Mohd Noor.

Turut hadir ialah Pengawal TV1, Rashid Yusof; Pengurus OTC Merck (M) Sdn Bhd, Siti Nooruhani Ibrahim dan pengacara Keluarga Ria Seven Seas, Shahrizan Borhan.

Jaafar juga berkata, ketika ini TV1 menghidangkan lapan rancangan *game show* setiap minggu termasuk Keluar-

ga' Ria Seven Seas.

"Ia adalah 3.29 peratus daripada keseluruhan masa siaran TV1 seminggu iaitu sebanyak 121.5 jam. Daripada jumlah itu, 2.5 jam ialah penerbitan swasta manakala 1.5 jam lagi terbitan RTM termasuk siaran secara langsung."

"RTM merakamkan terima kasih bagi pihak kerajaan kepada syarikat Merck atas usaha proaktif dan prihatin terhadap usaha kerajaan dengan menaja siaran Keluarga Ria Seven Seas."

"Komitmen syarikat Merck amat sesuai dengan falsafah Bina Negara melalui perkembangan keluarga sihat dan bahagia. Istimewanya rancangan ini kerana ia memberi peluang kepada penonton mendapatkan petua kesihatan dan menghayati konsep komunikasi," katanya.

Kata Jaafar, RTM mengalui-alukan usaha syarikat penerbitan dengan kerjasama agensi pemasaran TV1 bagi merealisasikan idea hebat demi kepentingan dan faedah penonton.

Menurutnya, rancangan bercorak interaktif akan terus diperbanyakkan

oleh RTM dari semasa ke semasa.

Sementara itu, dalam ucapannya, Siti Nooruhani berkata, kelainan dalam rancangan Keluarga Ria Seven Seas ialah nilai hiburannya yang sejajar dengan usaha membina keluarga sihat.

"Ia akan berlangsung sebanyak 10 siri sehingga 10 Oktober ini iaitu secara langsung selama sejam. Tontonilah bagaimana keluarga terpilih bertanding dalam permainan yang mencabar dan mencuit hati."

"Keluarga Ria Seven Seas juga memberi peluang kepada penonton di rumah untuk memenangi hadiah wang tunai," katanya.

Artis yang diundang membuat persembahan pada setiap siri rancangan itu ialah Camelia, Syafinaz, Liza Hanim, Noraniza Idris, Nouri, Rozita Izlyn, Ziana Zain, Anis Suraya dan Shawn.

Hadiiah utama peringkat akhir untuk peserta rancangan itu ialah sebuah kereta Proton Iswara, manakala hadiah kedua sebuah motosikal Modenas Kriss dan hadiah ketiga wang tunai RM2,000.

LAMPIRAN 12

Unit Dokumentasi
Cawangan Penyelidikan
Kementerian Penerangan Malaysia

POTONGAN DARI AKHBAR *MUSAN MALAYSIA* BERTARIKH 25 OGOS 1999

Jadikan TV1, TV2 saluran terbaik

Saudara Pengarang,
SEPERTI yang kita semua maklum, RTM kini telah mencelah usia 52 tahun. Pelbagai perubahan telah dilakukan baik dari segi slogan mahupun logo RTM itu sendiri.

Namun sejak akhir-akhir ini, susunan program terutamanya TV1 kelihatan bercelaruk sekali. Tidak tahu apa yang ingin disampaikan kepada penonton dan apakah matlamatnya.

Sebagai sebuah stesyen televisyen yang sememangnya matang dari segi usianya, RTM seharusnya sudah memahami selera penonton dan disegani oleh stesyen-stesyen televisyen swasta yang jauh lebih muda usianya.

Seiring dengan peredaran zaman, pemikiran khalayak penonton di Malaysia juga turut berubah. Jadi sudah pastilah hanya program-program yang berkualiti dan menghiburkan menjadi pilihan seisi keluarga untuk menontonnya.

Mengulang tayang program yang sama pada masa yang kurang sesuai juga membuatkan penonton jemu.

Anugerah

Sebagai contoh pada 24 Julai 1999, TV1 telah menyiarkan secara langsung rancangan Anugerah Sri Angkasa '99.

Seminggu kemudian iaitu pada 1 Ogos 1999, TV1 sekali lagi telah menyiarkan rakaman rancangan ini pada masa yang sama juga bagi menggantikan slot HMI penghibur. Bukankah lebih baik kalau rancangan ulangan ini disiarkan pada sebelah petang sahaja?

Namun demikian, saya mengucapkan syabas kepada TV2 kerana menayangkan cerita-cerita menarik terutamanya melalui slot *Dunhill Double*. Saya berharap agar usaha ini akan berterusan.

Permasalahan ini seharusnya tidak dipandang ringan oleh RTM. Saya sebagai seorang penonton TV1 dan juga TV2 percaya sekiranya idea-idea yang kreatif dan inovatif selera penonton digabung dan diambil kira maka tidak mustahil untuk RTM muncul sebagai stesyen penyiaran yang terbaik di Malaysia. — BENNY M.N, Pasir Mas, Kelantan.

B. HARIAN

16/02

Kabinet lulus dua lagi saluran TV

MELAKA, Jumaat - Kementerian Penerangan sudah mendapat kelulusan Kabinet bagi mewujudkan dua lagi saluran televisyen bagi membolehkan rancangan pendidikan dan sukan disiarkan lebih meluas.

Menteri berkenaan, Tariq Sri Khalil Yaakob, berkata Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) pada peringkat akhir kajian operasi saluran itu sebelum ia diperkenalkan.

Beliau berkata, kajian itu meliputi kos, pemasangan stesen pemancar dan peralatan yang diperlukan sebelum siaran percubaan dimulakan di sekitar Lembah Klang.

Khalil berkata, Saluran 3 dan 4 RTM itu adalah tambahan kepada Saluran Per-

dana dan Saluran Emas ketika ini.

"Kita yakin saluran tambahan ini membolehkan lebih banyak rancangan tempatan terutama berkaitan pendidikan dan sukan disiarkan.

"Masa siaran terutama pendidikan perlu berikutnya pertumbuhan pesat institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis dialog warga Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh di sini, hari ini.

Kira-kira 1,000 pelajar KUTKM menghadiri majlis itu. Turut hadir, Rektorinya, Datuk Prof Dr Mohd. Ruddin Ab Ghani,

Timbalan Rektor (Akademik), Prof Ismail Hassan dan Timbalan Rektor Pembangunan dan Perancangan Korporat, Prof Dr Azhari Saleh.

Dialog itu bertujuan memberi peluang kepada pelajar dan masyarakat universiti bersemuanya pemimpin bagi mendapatkan penjelasan mengenai dasar dan tindakan yang sudah dan akan diambil kerajaan.

Mengenai majlis itu, beliau berkata, ia program yang cukup baik bagi membolehkan pemimpin dan pelajar berdialog mengenai isu semasa.

"Amalan ini bukan perkara baru kerana selain pemimpin biasa, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menemui pelajar dalam lawatannya ke

luar negara," katanya.

Menjawab soalan pada majlis itu, Khalil berkata, pelajar perlu bijak memilih kursus ketika di IPT bagi memastikan mereka mendapat peluang pekerjaan selepas menamatkan pengajian masing-masing.

Beliau berkata, sejarah hasrat kerajaan menjadikan negara maju menjelang 2020, bidang teknikal, kejuruteraan dan maklumat menjanjikan peluang pekerjaan kepada lepasan universiti.

"Setiap pelajar perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran sejak kehendak pasaran kerja semasa. Selain itu, penguasaan Bahasa Inggeris amat penting bagi membolehkan mereka bekerja di luar negara," katanya.